

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Kenyataan Akhbar
Press Release

Sidang terakhir konvokesyen ke-21 UNIMAS lahirkan 913 graduan

Kota Samarahan, 9 November 2017: Sidang kelima yang juga sidang terakhir untuk Majlis Konvokesyen UNIMAS ke- 21 tahun ini menyaksikan barisan graduan dari tiga buah fakulti di Universiti ini akan menerima ijazah masing-masing.

Barisan graduan yang akan bergraduasi hari ini adalah dari Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM).

Graduan dari FEB adalah dari lapan program iaitu program ekonomi antarabangsa, ekonomi perkhidmatan, ekonomi industri, ekonomi perniagaan, pemasaran, kewangan, pengurusan korporat dan perakaunan.

Manakala graduan dari FPSK adalah dari dua program iaitu program perubatan dan program kejururawatan.

Sementara graduan dari FSKTM adalah lima program iaitu program sistem maklumat, sains komputer, pengkomputeran multimedia, kejuruteraan perisian dan pengkomputeran rangkaian.

Secara total, kelima-lima sidang dalam majlis konvokesyen UNIMAS Ke-21 ini menyaksikan seramai 4,120 orang graduan telah memperolehi ijazah masing-masing dalam pelbagai peringkat pengajian dari Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda.

Majlis konvokesyen UNIMAS Ke-21 berlangsung bermula 6 hingga 9 November 2017 di Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA) UNIMAS.

Pengisytiharan majlis konvokesyen ke-21 telah disempurnakan oleh Canselor UNIMAS, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Hj Abdul Taib Mahmud pada sidang pertama.

Pada sidang pertama (6 November 2017) juga menyaksikan pemasyuran Pro-Canselor baru UNIMAS iaitu Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg.

9 November 2017

UNIMAS Global
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Tel +60 82 581231
Fax +60 82 665088
Emel: archristina@unimas.my
www.unimas.my

U N I M A S